

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA: 50 TAHUN MERENTASI ZAMAN

---

**PENYUNTING**


*Anisah Che Ngah*

*Rohimi Hj. Shapiee*

*Sakina Shaik Ahmad Yusoff*

*Rahmah Ismail*

*Shamsuddin Suhor*



Fakulti Undang-undang  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



*Malaysiaku Gemilang*



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



# Undang-undang Malaysia: 50 Tahun Merentasi Zaman

***Penyunting***

*Anisah Che Ngah*

*Rohimi Hj. Shapiee*

*Sakina Shaik Ahmad Yusoff*

*Rahmah Ismail*

*Shamsuddin Suhor*



**Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia**

PUSTAKA PERDANA



1008402

Cetakan Pertama 2007

© Hak cipta : Fakulti Undang-undang

ISBN 978-983-43298-1-5

Hak cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-  
Penerbitan

Fakulti Undang-undang

Undang-undang Malaysia : 50 Tahun Merentasi Zaman

Mengandungi indeks

ISBN 978-983-43298-1-5

1. Constitutional Law--Malaysia. 2. Law-- Malaysia.  
342.595

Muka Taip Saiz : Times

Saiz Taip Teks : 11/12

Diterbitkan oleh:

Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor.

Tel : 03-89216355

Faks : 03-89253217

Diatur huruf oleh:

ARAS MEGA (M) SDN. BHD (164242-W)

No. 18, Jalan Damai 2,

Taman Desa Damai, Sungai Merab,

43000 Kajang, Selangor.

Tel: 03-89258975

Faks: 03-89258985

Dicetak oleh:

LITMUS PRINT SDN. BHD.

No. 32 & 34, Jalan PBS 14/2,

Taman Industri Bukit Serdang,  
43300 Seri Kembangan, Selangor.

Tel : 03-89442339

Faks : 03-89443240

## Kandungan

<i>Kata Pengantar</i>	<i>iv</i>
<i>Prakata</i>	<i>v</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>vi</i>
1 Perlembagaan Persekutuan Menangani Cabaran Semasa dan Mendatang - <i>Faridah Jalil</i>	1
2 The Development of The Application of English Law in Guarantee Transactions Obtained by Undue Influence in Malaysia Since Independence - <i>Noor Inayah Yaakub</i>	36
3 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Tinjauan dari Sudut Pelaksanaan - <i>Abdul Halim El-Muhammady</i>	68
4 Jenayah Undang-undang: Mengimbas Perkembangan - <i>Shamsuddin Suhor</i>	109
5 The Internal Conflicts in Family Laws: 50 Years After Independence of Malaysia - <i>Noor Aziah Mohd Awal</i>	149
6 Susur Galur Undang-undang Jualan Barang di Malaysia - <i>Sakina Shaik Ahmad Yusoff</i>	175
7 Perkembangan Undang-undang Perubatan di Malaysia: Cabaran dan Masa Depan - <i>Anisah Che Ngah</i>	218
8 Mengetengahkan Konsep Siyar Ekonomi (Undang-undang Ekonomi Islam Antarabangsa): Jatidiri Negara Merdeka dalam Mendaulatkan Syariah dalam Undang-undang Antarabangsa - <i>Rohimi Hj. Shapiee</i>	253
9 Undang-undang Alam Sekitar: Perkembangan dan Hala Tuju - <i>Suzanna Mohamed Isa</i>	321
10 Law and Cultural Heritage in Malaysia - <i>Mahmud Zuhdi Mohd Nor</i>	350
11 Sejarah, Polisi dan Perundangan Pekerja Asing di Malaysia - <i>Kamal Halili Hassan</i>	396
<i>Indeks</i>	<i>438</i>

## Kata Pengantar

Buku ilmiah undang-undang ini ditulis sempena usia 50 tahun negara Malaysia mencapai kemerdekaan. Tidak dinafikan wawasan negara adalah untuk melahirkan bangsa Malaysia yang merdeka dan berpengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Dengan demikian para graduan undang-undang khususnya tidak boleh lagi berpuas hati dengan ilmu yang diperolehi dari pengajian ijazah asas mereka sahaja. Sebaliknya mereka perlu berusaha untuk memperluas ufuk ilmu baru; termasuk yang di luar bidang pengajian mereka. Buku ini adalah paparan perkembangan ilmu undang-undang konvensional dan juga ilmu undang-undang kontemporari sepanjang 50 tahun undang-undang digubal hasil dari insiprasi dan kehendak masyarakat Malaysia.

Saya bersyukur kerana rakan-rakan saya dari Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia telah berjaya menghasilkan buku yang telah ditulis sebegitu rupa ini; yang antaranya cuba memastikan bahawa ilmu undang-undang dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat. Masalah etika dan moral serta pergeseran nilai budaya yang telah membangkitkan dilema undang-undang cuba diutarakan dalam bentuk yang lebih santai dan dapat difahami oleh masyarakat awam. Saya yakin usaha sebegini akan dapat memasyarakatkan ilmu undang-undang untuk bangsa dan negara. Sekalung tahniah untuk rakan-rakan saya yang telah berusaha keras dalam menerbitkan buku ini; semoga usaha kalian akan berterusan demi memeriahkan lagi wacana ilmu di tanahair kita.

Profesor Dr. Abdul Aziz Bari  
Jabatan Undang-undang Awam  
Kuliah Undang-undang Ahmad Ibrahim  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

## Prakata

Kumpulan makalah ini merupakan sebahagian daripada usaha ahli akademik untuk mengupas perkembangan dalam pelbagai bidang undang-undang sempena 50 tahun Malaysia merdeka.

Merdeka membawa makna kebebasan yang berpaksikan Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara, lambang kemegahan bangsa berdaulat, seterusnya menjadi asas kepada segala bentuk undang-undang yang digubal dan dilahirkan hasil dari aspirasi dan kehendak masyarakat Malaysia.

Justeru itu buku ini dimulakan dengan mengupas keutuhan prinsip-prinsip asas Perlembagaan negara di mana beberapa detik peristiwa yang berlaku sepanjang 50 tahun telah sedikit sebanyak menggugat semangat keluhuran Perlembagaan tersebut. Begitu juga dengan pengaruh undang-undang Inggeris yang masih diterimapakai dalam perundangan kita sehingga menimbulkan persoalan yang dihuraikan dengan terperinci dalam isu perbankan.

Fenomena globalisasi dan bioteknologi telah mencetuskan paradigma baru dalam perundangan negara. Senario yang melibatkan pergeseran nilai budaya barat, timur dan Islam semakin ketara sebagaimana yang dapat dirujuk melalui bab Undang-undang Syariah, Jenayah, Undang-undang Keluarga dan Undang-undang Jualan barang. Begitu juga dengan perkembangan undang-undang kontemporari seperti undang-undang perubatan dan undang-undang ekonomi Islam Antarabangsa. Sepanjang 50 tahun merentasi zaman, Malaysia semakin peka untuk mempertahankan hak masyarakat dan khazanah negara menerusi bab-bab tentang alam sekitar, warisan budaya dan pekerja asing yang bermastautin di sini.

Prof. Madya Dr. Anisah Che Ngah

Ketua Editor

Undang-Undang Malaysia: 50 Tahun Merentasi Zaman

## Penghargaan

Terlebih dahulu saya memanjatkan syukur kepada Ilahi kerana diberi kesempatan untuk merakamkan kata-kata aluan dalam penerbitan buku Undang-undang Malaysia: 50 Tahun Merentasi Zaman.

Sempena 50 tahun Malaysia merdeka, Jawatankuasa Penerbitan Fakulti undang-undang telah mengambil inisiatif menyediakan suatu makalah perundangan untuk membincangkan pelbagai aspek undang-undang negara. Buku berupa hasil nukilan ahli akademik ini cuba menjawab persoalan dan konflik yang melanda dalam arus pemodenan dan pembangunan pesat negara sehingga berlaku pergeseran sistem nilai yang berbeza.

Buku ini merupakan suatu wadah untuk ahli akademik mencernakan pemikiran dan anjakan paradigma yang selaras dengan kehendak masakini dalam menilai perkembangan politik, ekonomi dan nilai sosial dengan berlandaskan sistem perundangan negara. Teori dan falsafah yang diadun mengengahkan konsep-konsep baru yang boleh diterimapakai dalam maysarakat berbilang bangsa seperti Malaysia.

Akhir kata, sekalung tahniah kepada Jawatankuasa penerbitan Fakulti Undang-Undang amnya dan Sidang Editor khususnya yang telah berjaya menerbitkan buku ini sebagai suatu lagi bahan akademik dalam arena perundangan.

Profesor Dr. Kamal Halili Hassan  
Dekan,  
Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

# 1

## PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MENANGANI CABARAN SEMASA DAN MENDATANG

FARIDAH JALIL

PENGENALAN

Perjalanan yang hampir menjangkau 50 tahun telah melahirkan banyak perubahan kepada struktur Perlembagaan Persekutuan Malaysia, sehinggakan pernah ditanyakan bahawa adakah Perlembagaan Persekutuan yang memimpin pentadbiran negara ataupun Perlembagaan itu sebenarnya menjadi alat untuk pemerintah menjustifikasi corak kepimpinan mereka? Persoalan ini tidak pernah dapat dijawab dengan tepat kerana kelihatan pada beberapa keadaan Perlembagaan yang akan menentukan haluan, namun ada ketikanya pemerintah menjadi penentu. Keadaan ini mungkin tidak dapat dielakkan kerana sistem pemerintahan telah menjadi semakin kompleks dan masyarakat pada hari ini juga semakin berubah. Masyarakat tidak lagi bersifat *homogenous*; kepelbagaian masyarakat melahirkan tuntutan supaya setiap perbezaan yang mereka bawa diiktiraf, diterima dan dilayan.

Keseimbangan hubungan antara rakyat dan pemerintah juga telah berubah. Pemerintah mempunyai kuasa yang besar, lantas menyebabkan rakyat meletakkan harapan yang tinggi kepada pemerintah. Perlu diketahui, tindakan kerajaan mempunyai akibat langsung dan segera terhadap kepentingan rakyat. Oleh itu, pemerintah perlulah sensitif berhubung dengan akibat tindakan mereka terhadap rakyat. Langkah berhati-hati kerajaan menjadi penting terutamanya di era kebangkitan kesedaran mengenai hak asasi di kalangan rakyat negara ini.

Perubahan suasana ini melibatkan Perlembagaan kerana sebagai dokumen yang menganugerahkan kuasa kepada pemerintah dan dalam masa yang sama memelihara hak rakyat. Peruntukan yang terkandung di dalamnya seharusnya menggalakkan keseimbangan dan menjurus kepada kawalan kepada kuasa pemerintah, terutamanya badan eksekutif dan legislatif. Namun, keupayaan Perlembagaan untuk menjamin keseimbangan kuasa bergantung kepada pihak lain kerana Perlembagaan itu hanyalah sebuah dokumen yang mengandungi pernyataan dan pernyataan tersebut beroperasi mengikut pentafsiran yang dibuat terhadapnya oleh badan kehakiman yang bidang kuasanya bergantung kepada penggubal undang-undang. Penggubal undang-undang pula hanya menterjemah polisi yang dirancang oleh pihak eksekutif. Urutan ini menunjukkan bahawa cabaran terbesar Perlembagaan itu ialah untuk memastikan hanya pihak yang mempunyai ketelusan yang tinggi menganggotai ketiga-tiga badan ini supaya Perlembagaan tersebut kekal menjadi dokumen yang dihormati dan berguna kepada kelompok yang dinaunginya.